

**ANALISIS MAKNA HIDANGAN MAKANAN
DALAM ADAT PERKAHWINAN ETNIK
TIDONG PULAU SEBATIK TAWAU, SABAH
DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
BUKAN LISAN**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**ANALISIS MAKNA HIDANGAN MAKANAN
DALAM ADAT PERKAHWINAN ETNIK
TIDONG PULAU SEBATIK TAWAU, SABAH
DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
BUKAN LISAN**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **ANALISIS MAKNA HIDANGAN MAKANAN DALAM ADAT PERKAHWINAN ETNIK TIDONG PULAU SEBATIK TAWAU, SABAH DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI BUKAN LISAN**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **NOR ADILA BINTI SAMURI**, Sesi **2018-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK
TERHAD

Disahkan Oleh,


ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

NOR ADILA BINTI SAMURI
MA1721062T

(Tandatangan Pustakawan)


(Dr. Norlinda binti Salleh)
Penyelia

Tarikh : 13 Mei 2022

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa Tesis Sarjana Sains Sosial dengan Kepujian Sastera yang bertajuk "**ANALISIS MAKNA HIDANGAN MAKANAN DALAM ADAT PERKAHWINAN ETNIK TIDONG PULAU SEBATIK TAWAU, SABAH DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI BUKAN LISAN**" ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

13 Mei 2022



PENGESAHAN

NAMA : **NOR ADILA BINTI SAMURI**
NO. MATRIK : **MA1721062T**
TAJUK : **ANALISIS MAKNA HIDANGAN MAKANAN DALAM ADAT
PERKAHWINAN ETNIK TIDONG PULAU SEBATIK
TAWAU, SABAH DARI PERSPEKTIF KOMUNIKASI
BUKAN LISAN**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **KOMUNIKASI**
TARIKH VIVA : **13 MEI 2022**



DISAHAKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Norhuda", is placed over a horizontal line. Above the signature, the text "Tandatangan" is printed.


PENYELIA

Dr. Norhuda binti Salleh

PENGHARGAAN

Rasa kerendahan hati yang mendalam, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Esa kerana berkat limpah dan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan Tesis Sarjana ini dengan jayanya walaupun dengan hadirnya pelbagai dugaan dan rintangan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norhuda Salleh, selaku penyelia saya atas kesabaran, sokongan, dorongan, nasihat serta bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis sarjana ini. Segala bantuan, semangat dan kebijaksanaan beliau telah banyak mendidik dan menuntun saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang sudi berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala ilmu dan pengalaman yang dilalui pasti saya tidak akan lupakan.



Setinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa dan suami yang saya hormati dan kasih serta ahli keluarga yang sentiasa memberikan kasih sayang, sokongan, dorongan, doa dan semangat yang amat saya perlukan sehinggalah tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan diingati sepanjang hayat.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ini saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan serta informasi yang diperlukan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai wadah ilmu yang berguna untuk tetapan generasi akan datang.

Nor Adila binti Samuri

13 Mei 2022

ABSTRAK

Penyelidikan ini meneroka simbol makanan yang digunakan oleh etnik Tidong di Pulau Sebatik, Tawau Sabah dalam adat perkahwinan yang dilihat dari sudut komunikasi bukan lisan. Penggunaan adat perkahwinan sebagai medium dalam kajian ini adalah berkepentingan untuk memaparkan fungsinya (proksemik) sekali gus melibatkan pecahan komunikasi bukan lisan yang lain seperti artifaktual dan juga gustik. Kajian lalu memperlihatkan wujud makna tertentu di sebalik simbol makanan yang dihidangkan kepada tetamu. Bagi mengetahui makna simbol makanan yang terdapat dalam adat perkahwinan etnik pengamal tiga objektif kajian telah digariskan iaitu: i) mengenal pasti peletakan makanan yang dihidangkan dalam konteks proksemik bagi pelaksanaan adat perkahwinan; ii) mengkaji makna makanan yang dihidangkan dalam konteks artifaktual bagi pelaksanaan adat perkahwinan; dan iii) menganalisis makna makanan yang dihidangkan dalam konteks gustik bagi pelaksanaan adat perkahwinan. Kaedah kualitatif secara etnografi dengan pemerhatian turut serta di lapangan dan temu bual mendalam secara separa struktur dilaksanakan dengan melibatkan informan yang telah dikenal pasti melalui Pertubuhan Bangsa Tidong Bersatu Sabah (PBTBS), dan Ketua Anak Negeri. Antara informan yang terlibat dalam kutipan data ialah Ketua Anak Negeri, Pengamal Adat, Imam dan warga tua yang mengetahui selok belok pelaksanaan adat dalam konteks kajian. Hasilnya, kajian mendapati peletakan makanan dalam perkahwinan etnik pengamal adalah berlandaskan tingkat adat yang dibahagikan kepada tiga proses iaitu pemisahan (adat *ngedukung*), peralihan (adat nikah) dan penggabungan (adat *bebantang/bedulug*). Pemaknaan simbol makanan adalah berdasarkan sub etnik dalam etnik Tidong yang meliputi Sembakung, Nunukan, Sumbol, Tarakan dan Bulungan. Makanan yang dihidang semasa pelaksanaan adat merangkumi makanan utama dan makanan iringan yang mempunyai rasa manisan. Simbol makanan dalam komunikasi bukan lisan yang dipersembahkan dalam adat perkahwinan etnik pengamal membawa maksud kebanggaan, kegembiraan, kebahagiaan dan pengharapan, tanda keislaman serta perlambangan kepada kecantikan pengantin. Kajian ini memperlihatkan bagaimana etnik pengamal iaitu etnik Tidong menterjemahkan makna komunikasi melalui hidangan makanan. Walaupun berlakunya perubahan bentuk dan jenis hidangan yang dipersembahkan, tetapi pengekalan rasa makanan memperlihatkan kearifan lokal digunakan untuk mengekalkan makna makanan dalam pelaksanaan adat. Hasil daripada itu, kajian makanan dari sudut proksemik, artifaktual dan gustik dalam bidang komunikasi sebenarnya memperlihatkan hidangan makanan dalam majlis bukan hanya semata-mata sebagai hidangan tetapi membawa bersama falsafah dan budaya etnik pengamal.

Kata Kunci : Artifaktual, Budaya, Gustik, Proksemik, Simbol

ABSTRACT

ANALYSIS ON THE MEANING OF FOOD FROM NON-VERBAL COMMUNICATION PERSPECTIVE IN THE WEDDING CUSTOMS OF TIDONG ETHNIC GROUP OF SEBATIK ISLAND, TAWAU SABAH

This research explores the food symbols used by the Tidong ethnic group in Pulau Sebatik, Tawau Sabah in their marriage customs as seen through non-verbal communication. The use of marriage custom as a medium in this study is important to demonstrate its function (proxemic) as well as the breakdown of other non-verbal communication such as artifactual and also gustic. Previous research has revealed that the food served to guests have specific meaning. Three objectives are outlined to identify the meaning of the symbols to the food served in ethnic wedding custom practitioners namely, i) to identify in proxemic context the placement of food served in wedding customs; ii) to study the meaning in an artifactual context of food served in wedding customs, and iii) to analyse in the context of gustic the meaning of food served in wedding customs. Qualitative method based on ethnography approach, including field observations and semi-structured in-depth interviews were used involving informants who had been identified through the Sabah United Tidong Organisation (PBTBS), and Native Chief. Among the informants involved in data collection were Native Chief, Customs Practitioners, Imams, and senior citizens who know the details of customary implementation in the context of the study. The result of the study shows that the placement of food in the marriage of ethnic practitioners is based on the level of customs, which is divided into three processes, namely separation (ngedukung), transition (nikah), and merger (bebantang/bedulug). The meaning of food symbols is based on sub-ethnic groups in the Tidong community which include Sembakung, Nunukan, Sumbol, Tarakan, and Bulungan. The food served during the customary practice includes main dish and side dishes that are sweet. The meaning of food in non-verbal communication served during the wedding customs carry the meaning of pride, joy, happiness, and hope, Islamic as well as a representation on the beauty of the newlyweds. This study shows how the Tidong ethnic group translates the meaning of communication through food. Despite the changes in the shape and type of dishes served, the retention to the taste of the food shows that local knowledge is used to maintain the meaning of the food in the custom. As a result, the study of food from proxemic, artifactual and gustic point of view in the field of communication shows that food served in the ceremony not only act as a dish but brings together the philosophy and ethnic culture of the practitioner.

Keywords : Artifactual, Culture, Gustics, Proxemics, Symbol

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	13
1.3 Permasalahan Kajian	15
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Skop Kajian	18
1.7 Batasan Kajian	19
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Definisi Operasional	
1.9.1 Komunikasi Bukan Lisan	20
1.9.2 Simbol	21
1.9.3 Struktur Pelaksanaan Adat Perkahwinan Etnik Tidong	21
1.10 Rumusan	22

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Kajian- Kajian Lepas	25
2.2.1 Kajian Lepas Berhubung Etnik Tidong	32

2.2.2 Kajian Lepas Berhubung Simbol (makanan) Serta Struktur (transisi) Pelaksanaan Adat Perkahwinan	57
2.2.3 Aspek Teoretikal dan Konseptual Kajian	68
2.3 Rumusan	69

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	70
3.2 Reka Bentuk Kajian	74
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	75
3.3.1 Kaedah Temu Bual Mendalam (<i>In depth Interview</i>)	78
3.3.2 Kaedah Pemerhatian Turut Serta (<i>Participant Observation</i>)	79
3.3.3 Kaedah Rakaman	79
3.3.4 Kajian Arkib	80
3.4 Prosedur Analisis Data	81
3.4.1 Triangulasi Data	82
3.5 Analisis Data	83
3.6 Lokasi Kajian	84
3.7 Sampel Kajian	87
3.8 Rumusan	87



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN


4.1 Pengenalan	88
4.2 Pecahan Pelaksanaan Adat Perkahwinan Etnik Tidong	109
4.2.1 Pelaksanaan Tingkat Adat Etnik Tidong Mengikut Pecahan Fasa di Lapangan	113
4.3 Proksemik Hidangan Makanan dalam Adat Perkahwinan Etnik Tidong Pulau Sebatik, Tawau Sabah	122
4.4 Analisis Makna Makanan dari Sudut Artifaktual	124
4.4.1 Sifat Pulut Kuning(melekit-lekit)	126
4.4.2 Warna Pulut Kuning	128
4.4.3 Hiasan pada Pulut Kuning	131
4.4.4 Kedudukan Peletakan Pulut Kuning(tepak)	133
4.5 Analisis Makna Makanan dari Sudut Gustik	138
4.6 Rumusan	139

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	140
5.2 Perbincangan Penemuan Kajian	143
5.3 Nilai-Nilai Sosial Terhadap Interpretasi Makna Makanan dalam Perlaksanaan Adat Perkahwinan Etnik Tidong	144
5.3.1 Nilai Keharmonian dan Kasih Sayang	144
5.3.2 Nilai Murah Hati	145
5.3.3 Nilai Memuliakan Tetamu	145
5.4 Implikasi Kajian	146
5.5 Cadangan untuk kajian akan datang	147
5.6 Kesimpulan	148

RUJUKAN	161
----------------	-----

LAMPIRAN	262
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Kategori Kumpulan Utama dan Sub-kumpulan Etnik Tidong di Borneo	29
Jadual 2.2 : Sub-kumpulan etnik Tidong	31
Jadual 2.3 : Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu di Sekinchan Selangor	46
Jadual 2.4 : Pelaksanaan Adat Perkahwinan Berdasarkan Etnik/Bangsa	48
Jadual 4.1 : Pelaksanaan Tingkat Adat Perkahwinan Etnik Tidong di Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik Tawau	91
Jadual 4.2 : Pelaksanaan Tingkat Adat Etnik Tidong Mengikut Pecahan Fasa di Lapangan	112
Jadual 4.3 : Transisi Pelaksanaan Tingkat Adat di Kawasan Kajian	115
Jadual 4.4 : Kedudukan Peletakan Makanan yang Dihidangkan dalam Pelaksanaan Tingkat Adat Etnik Tidong Mengikut Transisi	122
Jadual 4.5 : Data Transkrip Ciri Artifaktual(melekit-lekit) pada Hidangan Pulut Kuning	128
Jadual 4.6 : Data Transkrip Ciri Artifaktual(warna kuning) pada Hidangan Pulut Kuning	130
Jadual 4.7 : Data Transkrip Ciri Artifaktual(hiasan) pada Hidangan Pulut Kuning	133
Jadual 4.8 : Data Transkrip Ciri Artifaktual(kedudukan) pada Hidangan Pulut Kuning	135
Jadual 4.9 : Data Transkrip Gustik(rasa manis) pada Hidangan Makanan dalam Pelaksanaan Adat Perkahwinan Etnik Tidong	140

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Lakaran Peta Taburan Petempatan Etnik Tidong di Negeri Sabah , Sebagaimana Banci Penduduk dan Perumahan (2010), Oktober 2019	3
Rajah 1.2 : Peta Kedudukan Awal Pecahan Etnik Tidong 1899	4
Rajah 1.3 : Kumpulan Bahasa Melayu- Polinesia Barat	9
Rajah 1.4 : Peta Persempadanan Rumpun Austronesia	10
Rajah 1.5 : Proses penyampaian maklumat	12
Rajah 2.1 : Susur Galur Pecahan Etnik Tidong	31
Rajah 2.2 : Rupa Bentuk Sistem Tanda Peirce (1839-1913)	61
Rajah 2.3 : Zon Proksemik dan Ruang Peribadi (Hans & Hans, 2015)	64
Rajah 3.1 : Reka Bentuk Kajian	75
Rajah 3.2 : Carta Alir Pelaksanaan Kutipan Data yang Dilaksanakan dalam Kajian	77
Rajah 3.3 : Carta Alir Prosedur Analisis Data	83
Rajah 3.4 : Senarai Informan yang Terlibat dalam Kajian Lapangan	88
Rajah 4.1 : Transisi Pelaksanaan Tingkat Adat	115
Rajah 4.2 : Sistem Tanda Pierce 1839-1913	125

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 1.1 : Lakaran peta lokasi Kajian di Kampung Mentadak Baru (Pulau Sebatik, Malaysia), Oktober 2019	17
Foto 3.1 : Lokasi Kajian (Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik, Tawau Sabah)	86
Foto 4.1 : Adat ' <i>nyosod/nyangab</i> '	92
Foto 4.2 : Adat mencari kutu	93
Foto 4.3 : Sesundip/sasundip (kayu yang diperbuat daripada buluh untuk digunakan dalam adat mencari kutu)	94
Foto 4.4 : Adat <i>nyosod</i> (bertanya semula)	95
Foto 4.5 : Adat <i>ngedukung</i>	96
Foto 4.6 : Adat <i>ngedukung</i> (wakil pihak perempuan dan wakil pihak lelaki)	96
Foto 4.7 : Tanda <i>ngedukung</i> (tikar, tilam dan bantal yang diikat)	97
Foto 4.8 : Tanda <i>ngedukung</i> (hantaran)	97
Foto 4.9 : Tanda <i>ngedukung</i> (cincin)	98
Foto 4.10 : Tanda <i>ngatod de belanja</i> (perhiasan diri daripada tembaga)	98
Foto 4.11 : Bahan-bahan untuk menghasilkan pupur	99
Foto 4.12 : Proses untuk menghasilkan pupur	100
Foto 4.13 : Adat <i>bepupur</i> (lelaki dan perempuan)	101
Foto 4.14 : Adat <i>bepinasor</i> (lelaki dan perempuan)	102
Foto 4.15 : Kain raja bersila	102
Foto 4.16 : Adat nikah	103
Foto 4.17 : Proses berarak pengantin lelaki	104

Foto 4.18	: Proses berarak pusingan membulat	104
Foto 4.19	: Taburan beras selawat, gigitan pisau dan minum air putih	106
Foto 4.20	: Adat <i>nyukap da tabir</i>	107
Foto 4.21	: Adat <i>bebantang/bedulug</i>	108
Foto 4.22	: Kulingtangan dan bergurindam	108
Foto 4.23	: Bersuapan pulut kuning dan minum air putih	109
Foto 4.24	: Tiupan lilin Pengantin	110
Foto 4.25	: Campuran bunga untuk mandian	111
Foto 4.26	: Adat <i>ngejiau talu edou</i> mandi tiga hari	111
Foto 4.27	: Pecahan ciri artifaktual pada pulut kuning	124
Foto 4.28	: Kedudukan pulut kuning sewaktu pelaksanaan adat <i>bebantang</i> etnik Tidong Sebatik, Tawau Sabah	125
Foto 4.29	: Kuih getas, kuihtumpi/penjaram/penyaram, kek coklat, roti kaya dan kuih cakar ayam/sarabai	136



UNIVERSITI
MALAYSIA
SABAH

SENARAI SINGKATAN

KDCA	- <i>Kadazandusun Cultural Association Sabah</i>
PBTBS	- Pertubuhan Bangsa Tidong Bersatu Sabah
FELDA	- <i>Federal Land Development Authority</i>
ITBM-UMS	- Institut Terjemahan & Buku Malaysia- Universiti Malaysia Sabah
A1	- Adat merisik/ <i>Nyosod/Nyangab</i>
A2	- Adat mengikat/ <i>Ngedukung</i>
A3	- Adat menghantar belanja/ <i>Ngatod de belanja</i>
A4	- Adat mandi bedak/ <i>Bepupur</i>
A5	- Adat berinai/ <i>Berpansor</i>
A6	- Adat nikah
A7	- Adat mandi permanis/ <i>Ngejiau pangatin de permanis</i>
A8	- Adat selak- selak/ <i>Nyukap da tabir@cecurung</i>
A9	- Adat bersanding/ <i>Bebantang/Bedulug</i>
A10	- Adat mandi tiga hari/ <i>Ngejiau talu edou mandi tiga hari</i>
A11	- Adat ziarah keluarga/ <i>Nyembaloit</i>
P1	- Perpisahan
P2	- Peralihan
P3	- Penggabungan

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Maklumat Tambahan	167
Lampiran B : Senarai Informan	176
Lampiran C : Butiran Pengantin	177
Lampiran D : Soalan Temu Bual	180
Lampiran E : Consent Form	181
Lampiran F : Transkrip	262



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Etnik Tidong merupakan etnik minoriti yang terdapat di Sabah. Populasinya hanya sekitar 27,000 orang sahaja dan penempatannya tertumpu di Sandakan, Beluran, Tawau dan Pulau Sebatik. Kajian etnik Tidong hampir sukar diperoleh kerana kajian etnik di Sabah amnya lebih tertumpu kepada suku kaum majoriti seperti Dusun dan Bajau. Umumnya, etnik Tidong juga kaya dengan budaya benda ketara dan tidak ketara yang unik selain daripada etnik peribumi lain yang berada di Sabah. Budaya benda ketara dan tidak ketara ini adalah warisan peninggalan nenek moyang mereka yang sangat bernilai untuk dipelihara dan dikaji, agar unsur-unsur budaya dan jati diri etnik peribumi ini diabadikan dan ditunjukkan kepada umum.

Berpandukan pernyataan itu, salah satu pendekatan untuk menelusuri unsur budaya ialah melalui adat perkahwinan yang dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, ruang yang dimiliki oleh adat perkahwinan itu sendiri adalah berbeza dengan yang lainnya dan ia merupakan suatu situasi yang berkait rapat dengan bentuk komunikasi bukan lisan yang disebut sebagai proksemik. Tambahan itu, melalui pelaksanaan adat sebegini terdapat banyak simbol tertentu yang digunakan untuk memberi makna dan perlu difahami agar masyarakat mengetahui mengapa sesuatu simbol itu digunakan dan makna apa yang dibawa dalam rangkaian pelaksanaan adat tersebut. Selain keperluan fizikal manusia, makanan turut memainkan peranan dalam konteks hubungan sosial yang berfungsi sebagai perlambangan identiti, penanda sosial dan juga simbol kebahagiaan. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji makanan yang dihidangkan dalam adat perkahwinan etnik Tidong di Pulau Sebatik, Tawau Sabah dengan mengkhususkan kepada aspek proksemik, artifaktual dan juga gustik.


1.2 Latar Belakang Kajian

Etnik Tidong adalah merupakan penduduk asli Pulau Sebatik yang telah menjadi penghuni tetap sejak abad ke 17 (Muhammad Yamin Sani dan Rismawati Isbon, 2018). Sehingga kini, etnik Tidong masih lagi mendiami kawasan yang telah mereka kuasai sejak tiga abad yang lalu seperti Kalimantan Timur Bahagian Utara yang mana merangkumi Nunukan di utara ke Bulungan dan di sepanjang pantai timur iaitu Sandakan, Tawau serta bahagian selatan (Martinus Nanang, 2008). Selain itu, menurutnya etnik ini juga boleh dijumpai di Pantai Berau, Kutai Lama, Sangkulirang dan Anggana manakala sebahagiannya pula berada di Pulau Tidung Besar dan Pulau Tidong Kecil bagi etnik Tidong yang bermigrasi melalui Teluk Jakarta.

Abdul Munir Hafizy Ladoni dan Salasiah Amin(2016) menjelaskan pada tahun 1981, populasi etnik Tidong adalah seramai 9,800 orang manakala pada tahun 2003 bilangan populasi ini meningkat kepada 20,000 orang. Penulisan kajian terawal Tidong yang merangkumi populasi etnik ini di Sabah dan kawasan Kalimantan Timur (Indonesia) oleh Okushima (2003) pada tahun 2002-2003 anggaran jumlah etnik Tidong ialah 5000 orang di Sandakan (Gum-Gum, Sg. Malina, Pedas, dll), 6000 orang di Beluran (Pekan, Sg. Nangka, Cahaya Baru, Labuk, Sapi, dll) 440 orang di Kinabatangan (Segama), 950 orang di Lahad Datu (FELDA), dan 6200 orang di Tawau yang meliputi kawasan Kalabakan, Sebatik, Merotai Besar, Kp. Asli, Tanjung Batu Payung, Tinagad Apas, Balung, Indersabah, serta FELDA Umas-Umas (Jabatan Perangkaan Negeri Sabah 2002, Buku Tahun Sabah 2001).

Menurut Kabupaten Bulungan dalam Angka 1999, Badan Pusat Statistik Kabupaten Bulungan yang telah dicatat oleh Mika, didapati pada tahun 1999 anggaran bilangan etnik Tidong di Nunukan ialah 10,000 orang yang meliputi kawasan Nunukan, Sebuku, Sebatik, Sembakung dan Sesayap. Bagi kawasan Malinau pula ialah 3000 orang, kemudian 22,000 orang di Tarakan Barat dan bagi Tarakan Timur ialah 8000 orang etnik Tidong pada ketika itu manakala Bulungan pula ialah 3500 orang yang menetap di Bunyu dan Tanjung Palas (1990). Seterusnya, pada tahun 2005 berlaku pertambahan populasi etnik ini iaitu hampir 25,000 orang (Abdul Munir Hafizy Ladoni, 2012:366) yang disorot dalam buku suntingan Kntayya Mariappan dan Paul Porodong yang bertajuk Murut dan Pelbagai Etnik Kecil di Sabah

yang telah diterbitkan pada tahun 2012. Selanjutnya, berdasarkan statistik terkini iaitu pada tahun 2010 populasi etnik Tidong terus meningkat kepada 27,675 orang yang mana terdiri daripada 13,935 orang lelaki serta 13,740 orang perempuan sepertimana yang tertera dalam laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2010.




Rajah 1.1 : Lakaran Peta Taburan Petempatan Etnik Tidong di Negeri Sabah, Sebagaimana Banci Penduduk dan Perumahan (2010), Oktober 2019

Sumber : Lakaran semula dari GIS

Meskipun begitu, jika dibandingkan dengan etnik yang lain di Sabah etnik Tidong adalah merupakan di antara etnik minoriti yang termaktub dalam pecahan keahlian *Kadazandusun Cultural Association Sabah(KDCA)*. Perkara ini dapat dirujuk kepada *KDCA Constitution & Rules* dalam perkara 6 (keahlian) nombor 33, istilah yang digunakan untuk merujuk kepada etnik ini ialah Tidong (*Kadazandusun Cultural Association & Rules*, 2001). Maka, berdasarkan keterangan itu sepanjang kajian ini pengkaji menggunakan ejaan Tidong bagi merujuk kepada etnik ini. Lanjutan daripada itu, penerimaan etnik ini sebagai salah satu etnik di bawah naungan KDCA

adalah disebabkan etnik ini merupakan etnik terawal (asal) yang berada di Tawau selain Murut, Bugis, Suluk dan Bajau Laut (Goodlet, 2010: 7-13), "Tawau: The Making of A Tropical Community". Dengan termaktubnya etnik ini dalam pecahan tersebut maka ini menunjukkan bahawa etnik ini turut mempunyai peranan dan hak dalam peraturan perlombagaan tersebut. Perbincangan ini adalah seiring dengan Earl (1837: 327) yang menyatakan seperti berikut, "*on the east coast of Borneo... the mouths of rivers are occupied by... Bugis of Celebs, or native of Sulu, who keep the Dyak (Tidong, Murut, etc) tribes in subjection...*". Hasilnya bermula detik itu, etnik Tidong mula berkembang dan bertambah populasinya serta berpindah dari satu buah kawasan ke kawasan yang lain disebabkan faktor ekonomi dan juga sosial semasa yang mereka alami.



Rajah 1.2 : Peta Kedudukan Awal Pecahan Etnik Tidong 1899

Sumber : Diubahsuai dari Goodlet, K. (2010). Tawau: The Making of a Tropical Community

Jika melihat dari satu sudut yang lain, identiti etnik ini juga dirujuk sebagai sebahagian daripada kelompok dayak yang telah memeluk agama Islam atau disebut

juga sebagai Islam dayak. Dayak ialah suatu terma yang digunakan untuk mewakili masyarakat etnik asli yang berada di Kalimantan. Kelompok ini adalah kelompok eksotik yang sering di lihat sebagai sebuah kelompok manusia terasing (Hoffman, 1986) iaitu tinggal di pedalaman, berburu kepala manusia (makan manusia), tinggal di rumah panjang (lamin), menggunakan parang (mandau) dan sumpit (tulup) serta bercirikan mata yang sipit (sepet). Selain itu, wujud juga pelbagai versi yang diketengahkan dalam mendefinisikan siapa itu dayak. Jika merujuk kepada kronologi penularan keagamaan dan sistem kepercayaan mereka adalah sesuai sekiranya dipetik daripada pandangan yang diutarakan oleh (Hartatik, 2014) dalam penulisannya yang bertajuk "Perbandingan Bahasa dan Data Arkeologi pada Suku Tidong dan Dayak di Wilayah Nunukan: Data Bantu untuk Rekonstruksi Sejarah dan Perubahan Budaya. Dalam penulisan ini, Hartatik ada menyatakan bahawa jika dilihat kepada lokasi penempatan etnik ini, suku Dayak bagi wilayah Nunukan adalah terbahagi kepada dua kelompok. Kelompok tersebut adalah suku Dayak yang hidup di pedalaman iaitu di sepanjang aliran sungai dan dataran tinggi seperti suku Dayak Tahol, Agabag dan Tenggalan di Pulau Kalimantan serta suku Dayak yang berada di pesisir.

Menurut Hartatik lagi, beberapa puluh tahun dahulu kesemua pecahan etnik ini menganuti kepercayaan turun temurun namun sebahagian besar daripadanya kini telah menganuti agama Kristien. Tetapi apabila merujuk kepada suku Dayak yang berada di wilayah pesisir pula di dapat bahawa suku Tidong yang menetap di sana menganuti agama Islam. Namun dari sudut yang lain pula penggunaan istilah atau gelaran dayak turut di jadikan pengukur atau perlambangan keagamaan bagi mereka kerana jika individu itu masih digelar sebagai dayak, ini bermakna individu itu masih mengamalkan kepercayaan animisme atau kristian (Hitchcock & King, 1997). Selain itu, antara erti lain yang diberikan terhadap istilah dayak merangkumi erti kata manusia itu berada di pedalaman, hulu sungai, asli atau peribumi. Sementara itu, terdapat juga pengkaji lain yang mengertikan dayak sebagai orang Kalimantan yang kuat, teguh, gagah, dan juga berani.

Tuntasnya, dapat dilihat bahawa versi-versi yang wujud bagi istilah dayak adalah tidak bersifat tetap namun masih mempunyai keterkaitan antara satu sama lain. Penelitian terhadap istilah dayak bagi etnik Tidong tidak terhenti di situ sahaja

kerana menerusi penulisan (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2019) yang bertajuk Bahasa Tidong Pulau Sebatik Satu Tinjauan Dini ada menyentuh tentangnya. Rangkuman daripada penulisan Saidatul di dapati terdapat sarjana yang menjelaskan bahawa etnik Tidong sebenarnya tergolong dalam kumpulan dayak khususnya di Kalimantan (Chalmers, 2006: 2009; Sillander dan Alexander, 2016). Uniknya, biarpun etnik Tidong memeluk agama Islam namun tradisi yang menjadi pengamalan mereka sewaktu pra-Islam memperlihatkan bukti yang kukuh iaitu keterkaitan hubungan asal usul mereka dengan suku dayak (Hartatik, 2014). Hal ini kerana apabila suku dayak yang lain telah menganuti agama Islam, kebiasaannya mereka tidak mahu lagi digelar sebagai suku dayak tetapi situasi berbeza dengan suku Tidong yang mana mereka bangga dengan dirinya yang disebut sebagai dayak. Perbahasan berkaitan dayak tidak berhenti setakat itu sahaja kerana sebilangan daripada mereka turut beranggapan bahawa diri mereka adalah 'Melayu' sehingga mereka berasa bangga menggelari diri mereka Melayu (Schneeberger, 1979). Perihal 'Melayu' ini bukan sahaja dikatakan oleh Schneeberger namun Ahmad Muthohar AR juga ada menyentuh tentangnya iaitu identiti dayak klasik masih terasa hingga kini terutama apabila melibatkan aspek agama yang mana bagi yang beragama Islam gelaran 'non Melayu' menjadi pilihan untuk diguna pakai.

Penyataan ini dapat diulas dengan lebih tuntas keterkaitannya berdasarkan teori penyebaran pengaruh etnik Tidong seperti yang dijelaskan oleh (Ahmad Muthohar AR, 2015). Terdapat dua teori asal usul yang di ketengahkan untuk mendasari asal usul etnik Tidong. Teori yang pertama dipercayai berasal dari Yunan Selatan (Cina) dan kedua adalah daripada bangsa Suluk di Filipina Selatan. Kedua-duanya mempunyai penceritaan tersendiri iaitu bagi memperlihatkan keterkaitannya. Bagi teori yang pertama etnik Tidong ini telah tersebar melalui laluan Kemboja, Vietnam, Melaka dan seterusnya Melayu yang mana dalam sejarah Kalimantan ia dirujuk sebagai gelombang Melayu Tua (Proto). Hal ini juga di tandai dengan kemiripan riak muka etnik Tidong dengan orang-orang Yunan yang dapat dilihat daripada segi mata yang sepet, memiliki tubuh yang sasa (bertubuh tinggi) serta rata-rata memiliki warna kulit yang agak kekuning-kuningan. Ideologi ini diperkuat dengan keterangan (H. Muchtar Basry Idris, yang merupakan seorang tokoh lembaga Adat Tidoeng di Tarakan.

"Sejumlah persamaan (kemiripan) terhadap orang Tidong dapat dilihat pada penduduk Yunan yang menetap di Cina (Indo Cina). Antara ciri yang dapat dirujuk adalah pada rupa paras tubuh badan, gaya kehidupan serta sistem perkampungan yang diamalkan. Begitu juga dengan sebahagian penduduknya yang menampakkan persamaan dialek terhadap orang Yunan seperti perkataan 'Sembakung' yang mempunyai kemiripan dengan 'Sam Po Kong' seperti mana tokoh penyebar Islam di Nusantara(berasal dari Cina)..."

Seterusnya, teori kedua bagi asal usul etnik Tidong telah dipelopori oleh Amir Hamzah (2005) yakni menurut beliau etnik Tidong sememangnya berasal dari suku Suluk meskipun terdapat pendapat yang berbeza mengenainya daripada peneliti yang lain. Menurut beliau menerusi penulisannya dalam Sekilas Mengenal Suku-Bangsa Tidung, di katakan bahawa asal usul penduduk wilayah Tana Tidung adalah tidak jauh dengan penduduk lain di Nusantara. Tambahan itu, menurutnya asal usul sejarah suku Tidong dapat dikaitkan juga dengan keturunan Itara atau diidentitikan sebagai Tidong Islam menurut nenek moyang mereka.

Beralih pula kepada Okushima (2003). Dalam penulisan ini Okushima menemui penjelasan yang dilihat dari suatu sudut penceritaan yang lain. Menurutnya, dalam sebuah cerita lisan orang Tidong adalah berasal dari lembah Kinabatangan dan sebahagian daripadanya dari Sipitang (Sabah Barat), Talisayan (Mindanao) dan menyebar ke Morotai (Halmahera). Biarpun pembuktian sejarah mengenai ini belum ditemui tetapi mungkin benar kerana Kerajaan Laut iaitu Kerajaan Brunei pada sekitar abad ke-17 hingga ke-18 membuktikan orang Tidong telah menguasai perdagangan di Sulu, Sulawesi dan Merotai. Nichol (1980) memberikan penceritaan berbeza, iaitu melibatkan kerajaan Brunei yang menguasai tentera-tentera Tidong di Pantai Timur dan tentera Bisaya di Pantai Barat. Oleh sebab itu, sampai akhir abad ke -18 orang Tidong masih memegang hegemoni atas kawasan laut dan pantai Borneo Timur Laut (Foresst, 1792:374).